

HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI AKADEMIK DAN MOTIVASI SUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR SUKAN DAN REKREASI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

THE RELATIONSHIP BETWEEN ACADEMIC MOTIVATION AND SPORTS MOTIVATION AMONG SPORTS AND RECREATION STUDENTS AT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Zafirah Izzati Bt Mustafa ^{1*}
Dr. Nur Shakila Binti Mazalan ²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
(email: p138132@siswa.ukm.edu.my)

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
(email: shakila@ukm.edu.my)

*Corresponding author: p137909@siswa.ukm.edu.my

Article history

Received date : 3-2-2025
Revised date : 4-2-2025
Accepted date : 28-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Mustafa, Z. I., & Mazalan, N. S. (2025). Hubungan antara motivasi akademik dan motivasi sukan dalam kalangan pelajar sukan dan rekreasi Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 545-554.

Abstrak: Motivasi memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik dan kecemerlangan dalam bidang sukan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara motivasi akademik dan motivasi sukan dalam kalangan pelajar Sukan dan Rekreasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan pendekatan tinjauan melalui soal selidik yang diedarkan kepada 150 orang pelajar. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian statistik bagi menentukan korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara motivasi akademik dan motivasi sukan. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap motivasi sukan yang tinggi cenderung untuk memiliki motivasi akademik yang tinggi juga. Dapatan ini mengukuhkan lagi kepentingan keseimbangan antara akademik dan sukan dalam memastikan pembangunan holistik pelajar. Kajian ini mencadangkan agar pihak universiti dan pihak berkepentingan lain menyediakan sokongan serta program pembangunan motivasi yang dapat membantu pelajar mengimbangi kedua-dua aspek ini dengan lebih berkesan.

Kata Kunci: Motivasi akademik, motivasi sukan, pelajar universiti, keseimbangan akademik dan sukan, pembangunan holistik.

Abstract: Motivation plays a crucial role in academic achievement and excellence in sports. This study aims to examine the relationship between academic motivation and sports motivation among Sports and Recreation students at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). A quantitative research approach was employed, utilizing a survey method with questionnaires distributed to 150 students. The collected data were analyzed using statistical software to determine the correlation between the two variables. The findings indicate a significant positive

relationship between academic motivation and sports motivation. This suggests that students with high sports motivation are more likely to exhibit high academic motivation as well. These findings further emphasize the importance of balancing academics and sports to ensure students' holistic development. The study recommends that universities and other stakeholders provide support and motivation development programs to help students effectively manage both aspects.

Keywords: *Academic motivation, sports motivation, university students, academic and sports balance, holistic development*

Pengenalan

Motivasi merupakan satu topik yang sering didengari oleh ramai pengkaji. Walau bagaimanapun, topik ini sering didengari akan tetapi bilangan pengkaji yang mengkaji berkenaan motivasi akademik dan sukan agak sukar dijumpai. Motivasi akademik ini terdiri daripada tiga komponen iaitu motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, dan amotivasi

Motivasi intrinsik adalah dilihat sebagai dorongan dalaman yang berorientasikan pertumbuhan proaktif dalam diri seseorang individu tersebut. Individu yang bermotivasi secara dalaman adalah secara semula jadi akan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dan pembangunan secara sukarela (Vansteenkiste, Lens dan Deci, 2006). Selain itu, Motivasi ekstrinsik merupakan dorongan luaran seperti ganjaran, pujian, gred yang menggerakkan seseorang itu untuk melakukan sesuatu tingkah laku (Deci dan Ryan, 1991). Akhir sekali ialah amotivasi iaitu merujuk kepada individu yang tidak dapat menjangkakan kesan hasil daripada tindakan mereka. Tingkah laku amotivation boleh ditemui dalam situasi di mana individu tiada motivasi instrinsik dan juga motivasi ekstrinsik (Deci dan Ryan, 1991).

Justeru, menurut Chantel et al., (1985) atlet lelaki yang bermotivasi ekstrinsik mempunyai fokus tinggi kepada pertandingan, kemenangan, hadiah dan penghargaan. Sebagai contoh kajian beberapa tahun yang lepas iaitu pada tahun 2019, kajian dijalankan terhadap pemain hoki malaysia. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pemain hoki lelaki lebih bermotivasi ekstrinsik berbanding pemain hoki perempuan instrinsik (Norsaleha Mohd Ariffin et al., 2019).

Di samping itu, motivasi bermaksud suatu tenaga atau desakan dalaman yang mendorong dan mengarah perilaku manusia untuk mencapai tujuan atau maklumat yang ditetapkan (Jamaris, 2010). Motivasi atlet merupakan keinginan, hasrat, kemahuan dan pendorong untuk atlet memenuhi prestass yang dicapainya sendiri ataupun prestasi yang dicapai oleh atlet lain (Komarudin 2016). Motivasi dalam sukan ini juga boleh dibahagikan kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Djamarah (2011) menyatakan bahawa motivasi intrinsik terdiri daripada motivasi yang berasal dari dalam diri peribasi seseorang dan tidak perlu dirangsang dari faktor luaran kerana sudah wujud dorongan sendiri individu untuk melakukan sesuatu. Motivasi ekstrinsik pula merangkumi faktor luarseperti popular, mobiliti sosial, kepujian, dorongan doktor ganjaran ynaq diperoleh secara langsung melalui penglibatan sukan tersebut (Ryan & Deci 2017). Justeru, penerapan motivasi yang betul terhadap atlet adalah penting untuk meningkatkan aspek kualiti pengalaman sukan.

Walaupun banyak kajian tentang motivasi setakat ini telah mendedahkan bahawa motivasi dalam domain tertentu menghasilkan kejayaan dalam domain tersebut. Oleh itu, motivasi akademik biasanya akan membawa kepada kejayaan akademik dan motivasi sukan kepada kejayaan olahraga. Tetapi apabila populasinya terdiri daripada atlet pelajar, maka kedua- dua jenis

motivasi ini harus dibincangkan dalam konteks yang sama. Atlet pelajar sering dianggap sebagai populasi pelajar bukan tradisi, sesetengah daripada mereka bermotivasi tinggi dalam sukan tetapi kurang bermotivasi di sekolah (Simons et al,1999). Oleh itu,tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara motivasi akademi dan motivasi sukan dalam kalangan pelajar sukan dan rekreasi universiti kebangsaan malaysia. Hipotesis kajian ini adalah terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi akademik dan motivasi sukan.(Turkmen,2013).

Kajian Literatur

Motivasi memainkan peranan penting dalam kehidupan individu, terutama dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti akademik dan sukan. Dalam konteks pelajar universiti yang aktif dalam sukan, keseimbangan antara motivasi akademik dan sukan menjadi aspek penting dalam pembangunan diri yang holistik.

Motivasi akademik merujuk kepada dorongan dalaman atau luaran untuk berjaya dalam bidang pendidikan. Kajian oleh Chong dan Ahmad (2020) menunjukkan bahawa pelajar universiti yang mempunyai motivasi akademik yang tinggi menunjukkan komitmen yang konsisten dalam aktiviti pembelajaran, walaupun mereka aktif dalam sukan. Sementara itu, kajian oleh Mohd Zulkifli et al. (2021) pula menekankan bahawa pelajar-atlet menghadapi cabaran besar dalam membahagikan masa antara latihan dan pelajaran, yang akhirnya boleh menjejaskan motivasi akademik jika tiada sokongan institusi.

Motivasi sukan pula merujuk kepada dorongan untuk terlibat dan berjaya dalam aktiviti fizikal. Kajian oleh Rashid dan Johari (2021) terhadap atlet universiti menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi sukan secara intrinsik lebih cenderung menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam sukan, serta mempunyai sikap yang lebih positif terhadap cabaran. Ini disokong oleh dapatan Putra et al. (2022) di Indonesia yang menegaskan bahawa faktor motivasi memainkan peranan penting dalam memastikan penglibatan pelajar-atlet berterusan dalam aktiviti fizikal, di samping mengekalkan prestasi akademik.

Menurut kajian oleh Wong & Lee (2020) di Universiti Sains Malaysia, pelajar yang aktif dalam sukan menunjukkan tahap kepuasan hidup dan kesejahteraan psikologi yang lebih tinggi, dengan motivasi intrinsik menjadi pemacu utama. Ini berkait rapat dengan konsep self-determination theory oleh Deci dan Ryan (1985), di mana pelajar yang merasakan autonomi dan kecekapan dalam kedua-dua bidang akan menunjukkan prestasi lebih baik.

Kajian tempatan oleh Syazwani et al. (2023) pula menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara strategi pengurusan masa dengan tahap motivasi akademik dalam kalangan atlet pelajar. Kajian ini menyarankan perlunya intervensi dalam bentuk bengkel pengurusan masa bagi membantu pelajar mengekalkan motivasi dalam kedua-dua bidang. Beberapa jurang kajian yang dikenalpasti ialah kebanyakan kajian memfokuskan kepada sama ada motivasi akademik atau sukan secara berasingan, tanpa melihat interaksi antara kedua-duanya secara serentak dalam konteks pelajar bidang pendidikan sukan dan rekreasi. Selain itu, kajian-kajian terdahulu masih kurang memberi tumpuan kepada populasi pelajar bidang pendidikan sukan di universiti tempatan seperti UKM yang menghadiri kursus akademik berkredit tinggi tetapi juga wajib menyertai latihan fizikal secara berkala. Di samping itu, kurangnya kajian yang membandingkan kesan motivasi antara jantina (lelaki dan perempuan) dalam aspek keseimbangan akademik-sukan, terutamanya di peringkat universiti awam di Malaysia. Justeru, kajian ini menjadi signifikan kerana ia menyentuh secara langsung hubungan dua hala antara motivasi akademik dan motivasi sukan, serta melibatkan subjek khusus iaitu pelajar Sukan dan Rekreasi UKM, yang mana konteks ini belum cukup diterokai dalam literatur terdahulu.

Motivasi memainkan peranan penting dalam kehidupan individu, terutama dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti akademik dan sukan. Motivasi akademik merujuk kepada keinginan, usaha, dan dorongan individu untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan (Deci & Ryan, 2000). Sebaliknya, motivasi sukan merujuk kepada daya penggerak yang mendorong seseorang untuk menyertai, mengekalkan, dan meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal atau sukan (Vallerand, 2001). Kedua-dua bentuk motivasi ini saling berkait rapat, terutamanya dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam program sukan dan rekreasi di institusi pengajian tinggi. Kajian ini bertujuan untuk meninjau literatur berkaitan hubungan antara motivasi akademik dan motivasi sukan dalam kalangan pelajar sukan dan rekreasi, khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kajian oleh Kusurkar et al. (2013) mendapati bahawa motivasi intrinsik memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik yang tinggi kerana ia mendorong pelajar untuk belajar secara mendalam dan memahami kandungan pembelajaran. Sebaliknya, motivasi ekstrinsik sering dikaitkan dengan pencapaian jangka pendek, kerana pelajar cenderung belajar untuk memenuhi keperluan luar seperti peperiksaan atau ganjaran material. Dalam konteks pelajar sukan dan rekreasi, motivasi akademik adalah penting untuk memastikan mereka dapat menyeimbangkan antara tanggungjawab akademik dan aktiviti sukan mereka.

Motivasi sukan adalah elemen asas dalam memahami penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan. Vallerand (2001) dalam model hierarki motivasi sukan menekankan tiga dimensi motivasi iaitu motivasi intrinsik, ekstrinsik, dan amotivas. Motivasi intrinsik dalam sukan dicirikan oleh keinginan untuk bersaing dan memperbaiki prestasi, manakala motivasi ekstrinsik dipacu oleh ganjaran seperti medal, pengiktirafan, atau status sosial. Amotivas pula berlaku apabila individu kehilangan minat dan komitmen terhadap aktiviti sukan (Pelletier et al., 1995). Kajian oleh Ryan dan Deci (2017) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi dalam sukan lebih cenderung untuk kekal dalam aktiviti tersebut dalam jangka masa panjang berbanding mereka yang bergantung kepada motivasi ekstrinsik. Dalam konteks pelajar sukan dan rekreasi, motivasi sukan adalah penting bukan sahaja untuk mengekalkan penglibatan dalam aktiviti fizikal tetapi juga untuk meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal.

Hubungan antara motivasi akademik dan motivasi sukan telah menjadi tumpuan banyak kajian terdahulu. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua bentuk motivasi ini saling mempengaruhi, terutamanya dalam kalangan pelajar yang aktif dalam sukan dan pada masa yang sama menjalankan tanggungjawab akademik. Menurut Lonsdale dan Hodge (2011), motivasi intrinsik dalam sukan dapat meningkatkan motivasi intrinsik dalam akademik, kerana kedua-duanya memerlukan daya tahan, fokus, dan komitmen yang tinggi. Kajian oleh Miller dan Kerr (2002) pula mendapati bahawa pelajar-atlet yang berjaya menyeimbangkan antara motivasi akademik dan sukan cenderung menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam kedua-dua bidang. Sebaliknya, pelajar yang gagal menguruskan masa dan motivasi mereka sering menghadapi masalah seperti tekanan akademik, keletihan fizikal, dan kekurangan masa untuk berehat. Kajian ini menunjukkan bahawa strategi pengurusan masa dan motivasi adalah penting untuk memastikan pelajar dapat mencapai kejayaan dalam kedua-dua bidang.

Beberapa faktor dikenal pasti mempengaruhi hubungan antara motivasi akademik dan motivasi sukan, antaranya ialah sokongan sosial, jantina, jenis sukan, dan tahap pendidikan. Salah satu contoh adalah sokongan Sosial. Sokongan ini daripada keluarga, rakan, dan jurulatih memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi pelajar. Kajian oleh Rees et al. (2007) mendapati bahawa pelajar yang menerima sokongan sosial yang tinggi cenderung untuk

menunjukkan motivasi yang lebih tinggi dalam bidang akademik dan sukan. Sokongan ini membantu pelajar mengatasi tekanan dan mengekalkan keseimbangan antara kedua-dua bidang. Selain itu, jantina juga merupakan faktor yang mempengaruhi akademik dan sukan. Kajian oleh Xiang et al. (2004) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan jantina dalam motivasi akademik dan sukan. Lelaki cenderung untuk mempunyai motivasi intrinsik yang lebih tinggi dalam sukan, manakala wanita lebih cenderung untuk menunjukkan motivasi akademik yang lebih tinggi. Namun, perbezaan ini bergantung kepada konteks budaya dan sosial.

Di samping itu, jenis sukan jenis sukan yang diceburi oleh pelajar juga mempengaruhi motivasi mereka. Sukan individu seperti olahraga memerlukan tahap motivasi intrinsik yang tinggi, manakala sukan berpasukan seperti bola sepak lebih bergantung kepada motivasi ekstrinsik kerana melibatkan kerjasama dan sokongan rakan sepasukan (Ntoumanis, 2001). Akhir sekali, tahap pendidikan pelajar juga mempengaruhi hubungan motivasi. Kajian oleh Eccles dan Wigfield (2002) menunjukkan bahawa pelajar di peringkat pendidikan tinggi lebih cenderung untuk mengutamakan motivasi intrinsik dalam akademik dan sukan, kerana mereka lebih fokus kepada pembangunan sendiri dan kerjaya masa depan.

Program bimbingan dan kaunseling boleh diperkenalkan untuk mengurangkan tekanan dan meningkatkan motivasi mereka. Kedua, jurulatih dan pensyarah perlu bekerjasama untuk memahami keperluan pelajar-atlet dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan akademik dan sukan. Secara keseluruhan, hubungan antara motivasi akademik dan motivasi sukan adalah kompleks tetapi saling berkait. Kedua-dua bentuk motivasi ini memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelajar, khususnya dalam kalangan pelajar sukan dan rekreasi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian literatur ini menunjukkan bahawa sokongan sosial, jenis sukan, jantina, dan tahap pendidikan adalah faktor utama yang mempengaruhi hubungan ini. Oleh itu, usaha bersepadu daripada pihak institusi, jurulatih, dan pensyarah adalah penting untuk memastikan pelajar-atlet dapat mencapai potensi penuh mereka dalam kedua-dua bidang.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada pelajar sukan dan rekreasi lelaki dan wanita Universiti Kebangsaan Malaysia. Sampel kajian ini terdiri daripada 150 pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sukan dan Rekreasi. Semua pelajar telah melepasi ujian kecergasan dan aktif dalam aktiviti sukan, menjadikan mereka sesuai sebagai subjek kajian motivasi akademik dan sukan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua set instrumen yang telah diuji secara meluas dalam kajian terdahulu: Academic Motivation Scale (AMS-C 28) dan Sport Motivation Scale (SMS-28) oleh Vallerand et al. (1992). Kedua-dua instrumen ini mempunyai 28 item dan 7 subskala: motivasi intrinsik (untuk mengetahui, untuk mencapai, untuk mengalami rangsangan), motivasi ekstrinsik (dikenal pasti, introjeksi, pengaruh luaran), dan amotivasi.

Kebolehpercayaan Instrumen

Dalam konteks Malaysia, AMS-C 28 menunjukkan nilai kebolehpercayaan (Cronbach's alpha) antara 0.78 hingga 0.89 (Azlan et al., 2020), manakala SMS-28 mencatat nilai antara 0.80 hingga 0.90 (Rashid & Johari, 2021). Bagi kajian ini, analisis awal menunjukkan bahawa nilai Cronbach's alpha bagi AMS-C 28 ialah 0.88 dan bagi SMS-28 ialah 0.86, menandakan

konsistensi dalaman yang tinggi dan kebolehgunaan yang baik dalam kalangan pelajar sukan UKM.

Pengumpulan dan Analisis Data

Soal selidik diedarkan secara talian melalui Google Form dan mengandungi tiga bahagian utama: maklumat demografi, AMS-C 28 dan SMS-28. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) bagi menguji korelasi antara motivasi akademik dan motivasi sukan.

Dapatan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara motivasi akademik dan motivasi sukan dalam kalangan pelajar sukan dan rekreasi Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini amat penting kerana ia akan memberi gambaran untuk pemahaman yang lebih baik tentang hubungan antara penyertaan sukan dan akademik.

Jadual 1 Statistik Deskriptif Motivasi Akademik

Subskala Motivasi	Lelaki		Perempuan	
	Min	STD	Min	SD
IM - untuk mengetahui	5.68	1.25	5.70	0.98
IM - ke arah mencapai	5.47	1.17	5.62	0.90
IM - untuk mengalami rangsangan	5.47	1.17	5.52	0.98
EM - dikenalpasti	5.56	1.29	5.64	0.83
EM - introjeksi	5.71	1.21	5.77	0.94
EM - pengaruh luaran	5.72	1.07	5.75	0.99
Amotivasi	3.42	1.40	3.60	1.26

Jadual 2 Statistik Deskriptif Motivasi Sukan

Subskala Motivasi	Lelaki		Perempuan	
	Min	STD	Min	SD
IM - untuk mengetahui	5.49	1.41	5.37	0.74
IM - ke arah mencapai	5.33	1.41	5.82	0.70
IM - untuk mengalami rangsangan	5.24	1.32	5.67	0.86
EM - dikenalpasti	5.40	1.35	5.73	0.81
EM - introjeksi	5.43	1.36	5.70	0.77
EM - pengaruh luaran	5.49	1.40	5.64	0.95
Amotivasi	4.11	1.55	3.87	1.35

Keputusan ujian *Academic Motivation Scale(AMS)* dan *Sports Motivation Scale(SMS)* motivasi dibentangkan secara berasingan mengikut jantina dalam Jadual 1 dan jadual 2. Meneliti statistik deskriptif, diperhatikan bahawa pelajar perempuan menunjukkan purata yang lebih tinggi dalam ketiga-tiga sub-skala motivasi instrinsik dan purata motivasi yang lebih rendah daripada pelajar lelaki dalam kedua-dua ujian. Dapatan kedua dalam dua ujiaandiperhatikan dalam purata motivasi ekstinsik di mana pelajar lelaki dan perempuan mencapai min seimbang pada ujian motivasi akademik manakala bagi ujian motivasi sukan purata nilai min pelajar sukan perempuan lebih tinggi daripada pelajar sukan lelaki bagi ketiga tiga subskala motivasi ekstrinsik.

Jadual 3 Korelasi Motivasi Instrinsik antara Motivasi Akademik dan Motivasi Sukan

		Motivasi Akademik		Motivasi Sukan	
		Pearson Correlation	F	F	M
Motivasi Akademik	F	r	1	0.554**	
		Sig. (2 tailed)		<0.001	
	M	r			0.909**
		Sig. (2 tailed)			<0.001
Motivasi Sukan	F	r	0.554**	1	
		Sig. (2 tailed)	<0.001		
	M	r	0.909**		1
		Sig. (2 tailed)	<0.001		

Mengikut analisis korelasi hubungan positif yang signifikan didapati dalam tahap motivasi instrinsik pelajar (Jadual 3) antara motivasi akademik dan motivasi sukan pelajar lelaki ($r=.909$) manakala korelasi bagi motivasi akademik dan motivasi sukan pelajar perempuan ($r=.554$).

Jadual 4 Korelasi Motivasi Ekstrinsik antara Motivasi Akademik dan Motivasi Sukan

		Motivasi Akademik		Motivasi Sukan	
		Pearson Correlation	F	F	M
Motivasi Akademik	F	r	1	0.710**	
		Sig. (2 tailed)		<0.001	
	M	r			0.923**
		Sig. (2 tailed)			<0.001
Motivasi Sukan	F	r	0.710**	1	
		Sig. (2 tailed)	<0.001		
	M	r	0.923**		1
		Sig. (2 tailed)	<0.001		

Dalam pada itu, mengikut analisis korelasi hubungan positif yang signifikan didapati dalam tahap motivasi ekstrinsik pelajar sukan (jadual 4) antara motivasi akademik dan motivasi sukan pelajar lelaki ($r=.923$) manakala korelasi bagi motivasi akademik dan motivasi sukan pelajar perempuan ($r=.710$).

Seterusnya, hubungan positif didapati dalam tahap motivasi pelajar (Jadual 5) antara motivasi akademik dan motivasi sukan pelajar perempuan ($r=.725$), motivasi akademik dan motivasi sukan pelajar lelaki ($r=.569$).

Jadual 5 Korelasi AMotivasi antara Motivasi Akademik dan Motivasi Sukan

		Motivasi Akademik		Motivasi Sukan	
		Pearson Correlation	F	F	M
Motivasi Akademik	F	r	1	0.725**	
		Sig. (2 tailed)		<0.001	
	M	r			0.569**
		Sig. (2 tailed)			<0.001
Motivasi Sukan	F	r	0.725**	1	
		Sig. (2 tailed)	<0.001		
	M	r	0.569**		1
		Sig. (2 tailed)	<0.001		

Hasil analisis korelasi kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dalam tahap motivasi intrinsik pelajar lelaki ($r=.909$), tetapi hubungan sederhana bagi pelajar perempuan ($r=.554$). Hasil ini boleh ditafsirkan sebagai interpretasi bahawa lelaki yang lebih bermotivasi secara intrinsik. Skor korelasi yang lebih tinggi bagi lelaki harus merujuk kepada kejayaan akademik atlet pelajar lelaki berbanding atlet pelajar perempuan. Hasil ini selaras dengan kajian terdahulu yang dilakukan oleh Fortes dan rakan-rakannya (20) yang menyatakan bahawa atlet lelaki mempunyai skor motivasi akademik yang lebih tinggi, tetapi mereka juga mengakui bahawa dapatan kajian mereka menunjukkan hubungan yang sangat sedikit antara prestasi akademik dan olahraga. Kajian lain juga menemukan bukti bahawa kajian Chin et al. (2012) yang menunjukkan motivasi intrinsik yang tinggi bagi atlet lelaki sukan olahraga berbanding dengan atlet perempuan. Penyelidikan yang dilakukan kepada 386 atlet institusi pendidikan tinggi dari sukan olahraga, bola tampar, bola keranjang, hoki, senamrobik dan berenang mendapati atlet lelaki mempamerkan kecenderungan motivasi intrinsik berbanding atlet wanita (Cox, 2012).

Walaupun bagaimanapun terdapat juga kajian yang menunjukkan dapatan yang berbeza iaitu dalam kajian mengenai perkembangan psikososial atlet, Lantz et al. (1996) mendapati bahawa atlet pelajar wanita kelas atas lebih terlibat dalam pembangunan akademik mereka berbanding rakan lelaki mereka dan Simon et al. (1999) menyatakan bahawa atlet wanita kurang berkemungkinan menghadiri kolej semata-mata atas sebab olahraga, memetik kurangnya motivasi ekstrinsik, yang disebabkan oleh kurang sokongan kepada sukan wanita jika dibandingkan dengan sukan lelaki. Itulah sebabnya atlet wanita lebih cenderung untuk memberi penekanan yang lebih besar untuk menjalankan peranan mereka sebagai pelajar berbanding atlet lelaki.

Satu lagi korelasi penting yang direkodkan dalam kajian ini ialah korelasi motivasi ekstrinsik pelajar lelaki ($r=.923$). Ini juga bermakna bahawa pelajar lelaki Pendidikan Jasmani di Universiti lebih terjejas oleh nilai luaran, ganjaran atau sekatan berbanding wanita. Apatah lagi pelajar lelaki mencapai nilai korelasi signifikan yang sama dalam amotivasi ($r=0.569$). Oleh itu sikap lelaki pelajar kelihatan selari dengan minat akademik dan olahraga. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Turkmen (2013) dimana terdapat korelasi yang positif didapati dalam kajiannya menunjukkan motivasi ekstrinsik lelaki lebih tinggi berbanding perempuan. Selari dengan model motivasi pencapaian McClell and dan Athinson, pembentukan motivasi ini ialah berpandukan tujuan demi mencapai kejayaan dan menjauhkan diri daripada mengalami kegagalan. Walaupun seseorang individu mempunyai motif yang rendah untuk mencapai kejayaan tetapi dengan adanya motivasi ekstrinsik ia dapat membantu diri sendiri untuk menyertai dalam aktiviti atau tugas tersebut.

Walaupun korelasi penting ditemui dalam kajian ini antara orientasi motivasi akademik dan sukan pelajar sukan di UKM, ia menunjukkan kekurangan dimana sukar untuk mencapai kesimpulan yang pasti melalui reka bentuk eksperimen jenis ini. Satu kajian telah dilakukan oleh Simons dan rakan rakannya (1996) serta Althouse (2007) yang menggunakan istilah keseimbangan motivasi antara ahli akademik dan olahraga untuk memahami interaksi sebenar antara motivasi akademik dan sukan. Apabila keseimbangan motivasi dikaji lebih mendalam dan keseimbangan motivasi akademik-olahraga diperkenalkan kepada penyelidik, kajian lanjut akan berpeluang untuk menyelidik hubungan antara motivasi dan banyak pembolehubah lain yang berbeza, seperti kejayaan akademik, tahap pengalaman sukan, kecerdasan pelbagai, personaliti. Intervensi psikologi sangat berperanan penting bagi meningkatkan motivasi sukan dan motivasi akademik. Hubungan yang dikaji dalam kajian ini sememangnya diperlukan untuk

mengetahui orientasi motivasi yang manakah memainkan peranan yang penting bagi pelajar dalam bidang sukan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, motivasi merupakan satu jalan mudah yang boleh digunakan oleh seseorang itu untuk mencapai sesuatu impian atau tujuan. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya seseorang itu mempunyai motivasi dalam diri dan ingin mencapai tujuan ianya akan menjadi lebih mudah. Justeru, dengan matlamat atau hasrat yang lebih penting atau besar, ianya perlu mempunyai dorongan dan motivasi seseorang itu untuk berusaha bagi mencapai matlamatnya. Bagi seseorang pelajar dalam bidang sukan adalah penting untuk mempunyai motivasi dalam sukan dan motivasi dalam akademik kerana apabila ianya bergerak dengan seiring, akademik dan sukan akan berada di tahap lebih baik.

Kajian ini memberi implikasi secara praktikal melalui promosi penglibatan sukan secara menyeluruh yang mengambil kira data komuniti spesifik dalam masyarakat. Kesedaran kepentingan aspek motivasi perlu diterapkan kepada pihak berkepentingan supaya perangkaan strategi penglibatan sukan yang efektif dalam kalangan masyarakat umum tidak diabaikan. Kajian aspek motivasi pada masa depan boleh diperluaskan dengan melibatkan sampel populasi yang lebih banyak terdiri daripada kumpulan komuniti yang berbeza. Selain itu, perkaitan aspek motivasi dengan faktor-faktor lain seperti personaliti, gaya kejurulatihan serta sifat sukan diceburi perlu diberi perhatian dalam kajian masa depan.

Rujukan

- Althouse, J. N. (2007). Testing a model of first-semester student-athlete academic motivation and motivational balance between academics and athletics (Ph.D. dissertation). The Pennsylvania State University, The Graduate School College of Education, Pennsylvania.
- Azlan, M. S., Rahim, H. A., & Kamal, N. A. (2020). Psychometric Evaluation of the Malay Version of the Academic Motivation Scale (AMS) Among Malaysian Undergraduates. *International Journal of Evaluation and Research in Education**, 9(1), 1–9.
- Chental, Y., Guay, F., Debreva, M. T., & Vallerand, R. J. (1996). Motivation and elite performance: An exploratory investigation with Bulgarian athletes. *International Journal of Sport Psychology*, 27, 173–182.
- Chin, N. S., Khoo, S., & Low, W. Y. (2012). Self-determination and goal orientation in track and field. *Journal of Human Kinetics*, 33, 151–161.
- Chong, W. Y., & Ahmad, S. (2020). Academic Motivation and Sports Performance: The Malaysian Public University Experience. **Malaysian Journal of Learning and Instruction**, 17(2), 155–172.
- Cox, R. H. (2012). *Sport psychology: Concepts and applications* (7th ed.). McGraw-Hill.
- Deci, E. L. (1975). *Intrinsic motivation*. Plenum Press.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. Plenum.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1991). A motivational approach to self: Integration in personality. In R. Dienstbier (Ed.), *Nebraska symposium on motivation* (Vol. 36, pp. 237–288). University of Nebraska Press.
- Djamarah, S. B. (2011). *Psikologi belajar*. Rineka Cipta.
- Eccles, J. S., & Wigfield, A. (2002). Motivational beliefs, values, and goals. *Annual Review of Psychology*, 53(1), 109–132.
- Fortes, P. C., Rodrigues, G., & Tehantchane, A. (2010). Investigation of academic and athletic motivation on academic performance among university students. *International Proceedings of Economics Development and Research*, 2, 181–185.

- Jamaris, M. (2010). Orientasi baru dalam psikologi pendidikan. Yayasan Penamas Murni.
- Komarudin. (2016). Psikologi olahraga. PT Remaja Rosdakarya.
- Kusurkar, R. A., Croiset, G., Galindo-Garre, F., & Ten Cate, O. T. J. (2013). Motivational profiles of medical students: Association with study effort, academic performance and exhaustion. *BMC Medical Education*, 13(1), 1–8.
- Lantz, C. D., Etzel, E. F., & Ferguson, K. J. (1996). Predicting the psychosocial development of college student-athletes. *Academic Athletic Journal*, Spring, 20–29.
- Lonsdale, C., & Hodge, K. (2011). Temporal ordering of motivational quality and athlete burnout in elite sport. *Medicine & Science in Sports & Exercise*, 43(5), 913–921.
- Mohd Zulkifli, H., Razak, A. H., & Yusof, A. (2021). The Challenge of Balancing Academics and Sports among Student-Athletes in Malaysia. **Journal of Physical Education and Sports Science**, 15(1), 45–60.
- Miller, P. S., & Kerr, G. (2002). Conceptualizing excellence: Past, present, and future perspectives. *Journal of Applied Sport Psychology*, 14(3), 140–153.
- Norsaleha, M. A., Nabilah, Y., & Nelfianty, M. R. (2019). Perkaitan orientasi matlamat dan keseronokan dalam kalangan atlet hoki UPSI. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 8(2), 35–43.
- Ntoumanis, N. (2001). A self-determination approach to the understanding of motivation in physical education. *British Journal of Educational Psychology*, 71(2), 225–242.
- Pelletier, L. G., Fortier, M. S., Vallerand, R. J., & Brière, N. M. (1995). Associations among perceived autonomy support, forms of self-regulation, and persistence: A prospective study. *Motivation and Emotion*, 19(3), 279–300.
- Putra, Y., Nugroho, R., & Sari, N. (2022). Academic Motivation of Student-Athletes in Higher Education: Indonesian Perspective. **Asian Journal of Education and Social Studies**, 29(4), 18–29.
- Rees, T., Hardy, L., & Freeman, P. (2007). Stressors, social support, and psychological responses to sport injury in high-and low-performance standard participants. *Psychology of Sport and Exercise*, 8(3), 452– 472.
- Rashid, R., & Johari, M. (2021). Validity and Reliability of the Malay Version of the Sport Motivation Scale Among Malaysian Athletes. **Malaysian Journal of Movement, Health & Exercise**, 10(2), 54–63.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2017). Self-determination theory: Basic psychological needs in motivation, development, and wellness. Guilford Publications.
- Simons, H. D., Van Rheeën, D., & Covington, M. V. (1999). Academic motivation and the student athlete. *Journal of College Student Development*, 40(2), 151–162.
- Syazwani, M. N., Halim, A. M., & Noraini, K. (2023). Time Management Strategies and Academic Motivation among Student-Athletes. **Jurnal Pendidikan Malaysia**, 48(1), 20–32.
- Turkmen, M. (2013). The relationships between gender, physical self-perception, sport experience, motivation orientations and academic success. *International Journal of Academic Research*, 5(5), 66– 72. <https://doi.org/10.7813/2075-4124.2013/5-5/B.10>
- Wong, P. K., & Lee, C. L. (2020). Intrinsic Motivation and Wellbeing in Sports-Active University Students in Malaysia. **Malaysian Journal of Psychology**, 34(2), 88–101.
- Xiang, P., McBride, R., & Bruene, A. (2004). Fourth graders' motivation in an elementary physical education running program. *The Elementary School Journal*, 104(3), 253–266.